

# Pelajar sains komputer ungguli Tradec 2015

PUTRAJAYA - Niat murni untuk mengubah nasib keluarga di kampung telah mendorong Muhammad Zakaria Zarkasi mengungguli cabaran program pembangunan keusahawanan intensif, *Trading Entrepreneurship Challenge* (Tradec) 2015 yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang baru-baru ini.



Menurut pelajar Sarjana Muda Sains Komputer berusia 21 tahun ini, peluang menyertai Tradec 2015 tidak disia-siakan sebaliknya berjaya membuktikan usia bukan penghalang untuk berjaya dalam perniagaan.

"Sepanjang dua bulan program berlangsung, setiap peserta perlu

meneroka perniagaan masing-masing dan saya telah memilih bisnes sewaan dan jualan kasut roda di Tanjong Karang dan Sabak Bernam.

"Saya mengeluarkan kesemua RM4,000 simpanan dalam Tabung Haji dan dilaburkan bagi bisnes tersebut. Alhamdulillah, saya berjaya meraih keuntungan sebanyak RM51,645,"

katanya ketika ditemui pada majlis penyampaian hadiah Tradec 2015 yang disempurnakan Naib Canselor UPM, Datin Paduka Dr. Aini Ideris di sini kelmarin.

Berikutnya kejayaannya itu, Muhammad Zakaria menerima pakej perniagaan ke Guangzhou, China;

geran perniagaan bernilai RM1,800; piala pusingan Tradec 2015 dan sijil penyertaan.

Muhammad Zakaria memberitahu, perniagaan tersebut akan diteruskan dan dia akan menguruskannya secara separuh masa.

Dalam pada itu, Aini berkata, kesemua 25 peserta Tradec 2015 telah meraih hasil jualan sebanyak RM248,148 dan ia merupakan jumlah yang amat memberangsangkan kerana hanya dijana dalam tempoh dua bulan.

Tradec yang kali ketiga dianjurkan oleh Pusat Transformasi Komuniti UPM itu merupakan program keusahawanan universiti berimpak tinggi dan mampu melahirkan mahasiswa berdaya saing dalam perniagaan apabila menamatkan pengajian kelak.



AINI (tiga dari kiri) menyampaikan hadiah kepada Muhammad Zakaria (dua dari kanan) selepas dinobatkan sebagai juara Tradec 2015 pada majlis yang diadakan di Putrajaya kelmarin.